

26 AUG 1999

Najib-ITM

AKTA ITM PERLU DIPINDA, KATA NAJIB

SHAH ALAM, 26 Ogos (Bernama) -- Akta Institut Teknologi Mara (ITM) perlu dipinda berikutan pertukaran namanya kepada Universiti Teknologi Mara (UTM) yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pindaan itu bagaimanapun tidak memerlukan masa yang panjang kerana hanya membabitkan perubahan teknikal.

"Mungkin kena buat sedikit pindaan kepada Akta ITM. Ini formalitinya, jadi pindaan itu tidak akan memakan masa lama kerana ia merupakan pindaan dari segi teknikal sahaja," katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Perdana Siswazah ITM bersama Perdana Menteri di Stadium Malawati, di sini, hari ini.

Dr Mahathir dalam ucapannya di hadapan kira-kira 20,000 bekas pelajar dan pelajar ITM sebelum itu mengumumkan perubahan nama ITM kepada UTM berikutan perkembangan pesat ITM dalam melahirkan ramai siswazahnya yang berupaya membantu memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

Najib berkata, pindaan secara rasmi akta itu akan dibentangkan pada pada persidangan parlimen yang akan datang.

Mengenai penggunaan nama universiti bagi institut pengajian tinggi itu, beliau berkata, nama Universiti Teknologi Mara boleh digunakan bagi penggunaan biasa walaupun dari segi perundangannya belum diluluskan oleh parlimen.

Katanya, walaupun ITM bertukar nama kepada UTM, namun taraf 70 peratus daripada kursus yang ditawarkan masih dikekalkan kepada diploma di samping kursus lain seperti sijil, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah.

ITM kini mempunyai 12 kampus cawangan di seluruh cawangan negara termasuk kampus induknya di sini dengan 54,000 jumlah pelajar.

Sejarah awal penubuhan ITM bermula pada 1956 apabila kerajaan meluluskan untuk menubuhkan Dewan Latihan RIDA dengan pengambilan 25 pelajar.

Nama itu kemudiannya ditukar kepada Maktab Mara hasil Kongres Ekonomi Bumiputera di Kuala Lumpur pada 1965 dan ITM pada 1967.

-- BERNAMA

RZS zb